



## **KERTAS CADANGAN BAGI MELAKSANAKAN PROGRAM KEJOHANAN OLAHRAGA KALI KE-5 SEKOLAH RENDAH AGAMA INTEGRASI JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

### **1.0 PENDAHULUAN**

Kejohanan Olahraga telah dilaksanakan buat julung kalinya pada tahun 2009. Kejohanan ini diadakan setiap dua tahun berselang dengan Piala Guru Besar. Kejohanan ini dianjurkan selaras dengan matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Agama Islam Selangor iaitu untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Ia menjadi medan kepada para pelajar memperlihatkan kekuatan mental dan fizikal dalam pelbagai acara yang dipertandingkan seperti acara padang dan acara balapan.

Pengelolaan sesuatu kejohanan olahraga melibatkan pelbagai aspek teknikal yang amat penting terutama berkaitan pengurusan sumber manusia. Beberapa jawatankuasa dibentuk untuk menyediakan, merancang, memantau dan melaksanakan tugas-tugas tertentu yang berkaitan dengan pengelolaan sesuatu kejohanan olahraga sama ada di peringkat sekolah, daerah, negeri atau kebangsaan. Elemen-elemen positif seperti sikap proaktif, kreatif, inovatif dan semangat gotong royong perlu disemai dalam kalangan warga kerja sepasukan bagi merealisasikan kejayaan sesuatu penganjuran kejohanan sukan. Pengelolaan sesuatu kejohanan olahraga sememangnya diakui agak rumit. Justeru, penghasilan kertas cadangan ini diharap dapat memberi garis panduan kepada semua ahli jawatankuasa pengelola agar penganjuran sukan kali ini berlangsung dengan jayanya

Program ini merupakan Sasaran Kerja Tahunan ( SKT ) Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor dan termasuk didalam Unjuran Tahunan perbelanjaan Bahagian Pendidikan Islam JAIS ( OS24000, OS27000, OS29000 ).

### **2.0 MATLAMAT**

- 2.1 Melahirkan generasi yang seimbang, berkebolehan, berketrampilan dan berkemahiran dalam bidang kokurikulum dan kurikulum berpandukan al-Quran dan as-Sunnah. ( Patuh Syariah )
- 2.2 Membudayakan minat bersukan di sekolah ( 1 Murid 1 Sukan )
- 2.3 Memberi peluang kepada para murid menimba kemahiran dan pengalaman dalam aspek bidang sukan.

- 2.4 Mewujudkan suasana pertandingan yang sihat dan berkualiti.
- 2.5 Memupuk ukhuwah Islamiah dalam kalangan murid-murid dan warga pendidik.

### **3.0 OBJEKTIF**

- 3.1 Mengurus, memantau dan mengelola kejohanan Olahraga Kali ke-5 dengan cemerlang.
- 3.2 Murid dapat menyertai acara sukan yang dipertandingkan berdasarkan keupayaan dan kemahiran masing-masing.
- 3.3 Memupuk dan menerapkan sikap positif dan nilai-nilai murni melalui sukan.
- 3.4 Melahirkan murid-murid yang cergas fizikal dan cerdas mental.

### **4.0 MOTTO**

*“ Sukan Menjana Modal Insan ”*

### **PERATURAN AM**

1. Acara yang dipertandingkan adalah balapan dan padang.
2. Setiap murid dibenarkan menyertai 2 acara untuk balapan (1 individu, 1 kumpulan)
3. Untuk acara padang, hanya 1 acara sahaja yang boleh disertai oleh setiap murid.
4. Murid yang telah menyertai acara balapan tidak dibenarkan untuk menyertai mana-mana acara padang dan begitu juga sebaliknya.
5. Setiap peserta diwajibkan memakai pakaian yang menutup aurat sama ada ketika pertandingan atau di luar pertandingan. (Patuh Syariah)
  - a) Lelaki : T Shirt dan Track Bottom. (Seluar tight hanya boleh dipakai dengan track bottom sahaja. Tidak dibenarkan memakai tight sahaja atau dengan seluar pendek.)
  - b) Perempuan : T Shirt Lengan Panjang, Track Bottom dan Tudung berwarna gelap. (Pemakaian inner suit dan tight dibenarkan hanya untuk pemakaian dalaman sahaja.)

6. Setiap peserta hendaklah berpakaian bersesuaian dengan acara yang disertai dan tidak menjolok mata.
7. Setiap peserta digalakkan menggunakan kasut spike untuk acara balapan.
8. Setiap peserta perlu memakai nombor yang didaftarkan dan mudah dilihat di dada dan belakang. Kecuali dalam acara lompat tinggi boleh dipakai di depan atau belakang sahaja.
9. Bantahan mengenai keputusan atau pengendalian sesuatu acara hendaklah dibuat dalam tempoh 30 minit selepas keputusan rasmi acara tersebut diumumkan. Bantahan perlu disertakan dengan bayaran sebanyak RM 200 tunai. Bayaran tidak akan dikembalikan.
10. Menerima dan menghormati segala keputusan pengadil pertandingan. Keputusan Pengadil adalah muktamad.
11. Setiap pengurus, ketua kontinjen, jurulatih, guru-guru pengiring dan peserta diwajibkan berkelakuan baik dan sopan sebagaimana yang dituntut oleh Syara'.
12. Semua guru-guru pengiring, jurulatih, ketua kontinjen dan pengurus setiap sekolah hendaklah bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kebajikan murid-murid sekolah mereka.
13. Semua guru-guru pengiring, jurulatih, ketua kontinjen, pengurus dan peserta hendaklah menjaga kebersihan kawasan pertandingan, tempat makan, surau, bilik air, kawasan penginapan dan kawasan kejohanan.
14. Borang pendaftaran acara peserta akan diedarkan pada setiap sekolah pada awal bulan Mac (3 Mac 2017). Borang tersebut hendaklah dikembalikan selewat-lewatnya sebelum pertandingan (31 Mac 2017). Borang pendaftaran tidak akan diterima selepas 1 April 2017.
15. Johan keseluruhan akan ditentukan berdasarkan kutipan pingat emas terbanyak dan diikuti pingat perak dan pingat gangsa.

Setiap sekolah diwajibkan menginap di tempat yang disediakan oleh tuan rumah sehari sebelum hari kejohanan. Ia bertujuan untuk kelancaran aktiviti kejohanan